

Dr M ketuai badan pelancongan

KUALA LUMPUR, Rabu — Kabinet hari ini melantik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelancongan, menggantikan Datuk Musa Hitam.

Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim, selaku jurucakap kerajaan berkata pengumuman itu dibuat dalam mesyuarat kabinet pagi ini.

Bagaimanapun, katanya ahli-ahli jawatankuasa yang lain dikekalkan, termasuk Menteri Kewangan Encik Daim Zainuddin, Menteri Per-

dagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen dan beliau sendiri.

Menurut Datuk Rais, jawatankuasa kabinet itu bertanggungjawab bagi menimbang dan mencari jalan memajukan industri pelancongan di negara ini.

Katanya, jawatankuasa itu berpendapat industri pelancongan adalah satu-satunya industri yang dapat membantu ekonomi negara secara tidak lanasuna.